



■ Mohd Isa (dua, kiri) bersama Abdul Moid (dua, kanan) ketika meninjau kawasan pengambilan pasir di Sungai Hulu Kali.

Operasi punca sungai tercemar

BATANG KALI – Penduduk di Kampung Kuantan di sini mendakwa aktiviti mengorek pasir dijalankan di Sungai Hulu Kali telah mengakibatkan pencemaran.

Penduduk mendakwa, minyak hitam daripada jentera yang digunakan dalam aktiviti itu telah mengalir ke dalam sungai dan telah memasuki loji pembersihan air yang terletak kira-kira 200 meter daripada lokasi terbabit.

Mereka bimbang sekiranya kegiatan itu tidak dihentikan akan menjejaskan bekalan air yang disalurkan melalui loji berkenaan terus ke rumah penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemaajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) kampung terbabit, Abdul Moid Mian berkata, aduan telah dilontarkan kepada pihak berwajib namun aktiviti itu masih berlaku.

“Kegiatan ini telah berlarutan hampir enam bulan tetapi sehingga kini tiada tindakan pemberhentian dilakukan.

“Penduduk bimbang kerana lokasi mengorek pasir dilakukan terlalu hampir dengan loji pembersihan air dan jika tidak disekat akan mengakibatkan pencemaran seterusnya menjejaskan kesihatan penduduk,” katanya ketika meninjau kawasan tersebut di sini.

Turut serta, Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Batang Kali, Datuk Mohd Isa Abu Kasim.

Abdul Moid berkata, kegiatan itu melibatkan kawasan seluas lebih kurang satu Kilometer dan melibatkan Sungai Hulu Kali dan Sungai Tamu.

Menurutnya, pihak berwajib sewajarnya melihat kesesuaian lokasi pengambilan pasir dan tidak sepatutnya meluluskan permit sekiranya terlalu hampir dengan loji pembersihan air.

Sementara itu, Mohd Isa berkata, aduan penduduk kampung terbabit telah dibuat kepada pihak berkenaan, namun mereka mendakwa tiada tindakan diambil setakat ini.

Justeru, beliau akan berusaha untuk mengadakan pertemuan dengan pihak berwajib bagi membincangkan perkara itu.

“Saya percaya pihak berkuasa tempatan telah mengetahui mengenai perkara ini dan yakin kegiatan dilakukan dengan kebenaran dan kelulusan permit.

“Sebagai wakil rakyat saya akan mengambil tindakan dan akan bertemu Pegawai Daerah dalam masa terdekat,” katanya.

Mohd Isa berkata, kerajaan Barisan Nasional pernah melaksanakan operasi sama di kawasan tersebut, namun dihentikan atas bantahan penduduk kampung.